



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

7 Mac 2016

Kenyataan Media Berhubung Pembentangan Laporan Akhir Pengauditan Ketua Audit Negara Terhadap 1MDB

- 1) PAC ingin menjelaskan bahawa wujud kekeliruan berhubung Laporan Akhir Pengauditan 1MDB yang diklasifikasikan oleh Ketua Audit Negara sebagai dokumen rahsia rasmi dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972 selepas pembentangan laporan berkenaan oleh Ketua Audit Negara kepada Jawatankuasa ini, Jumaat lalu.
- 2) PAC ingin menegaskan Laporan Pengauditan 1MDB hanya diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia rasmi sehingga Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB dibentangkan ke Parlimen.
- 3) Pada Mesyuarat hari ini, Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Audit Negara menjelaskan selepas Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB dibentangkan ke Parlimen, Laporan Akhir Pengauditan 1MDB tidak lagi menjadi dokumen rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 4) Ini berbeza dengan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dibentangkan ke Parlimen setiap tahun terlebih dahulu seterusnya menjadikan ia sebagai dokumen awam. Ketua Audit Negara kemudian membentangkan LKAN kepada PAC dan Jawatankuasa ini kemudian memilih beberapa topik dalam LKAN untuk dibincangkan secara mendalam melalui mesyuarat Prosiding. Laporan topik yang dibincangkan PAC itu kemudian dibentangkan kepada Parlimen sebagai dokumen awam.
- 5) Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dibentangkan terus kepada PAC selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 5 Mac 2015 yang mengarahkan Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap 1MDB.

- 6) Keputusan untuk mengklasifikasikan Laporan Akhir Terhadap Pengauditan 1MDB adalah hak Ketua Audit Negara yang mempunyai kuasa perundangan bagi menjaga kredibiliti dan kerahsiaan Jabatan Audit Negara bagi mengelakkan ia dibocorkan kepada pihak tidak bertanggungjawab sehingga memberikan persepsi negatif terhadap Jabatan Audit Negara dan PAC.

- 7) Rakyat tidak perlu bimbang dan harus yakin dengan syor serta rumusan Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB yang dibentangkan ke Dewan Rakyat nanti kerana ia dirumuskan oleh ahli-ahli PAC terdiri daripada parti Barisan Nasional (BN) dan pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia